

SOALAN-SOALAN LAZIM

AKTA SYARIKAT 9PINDAAN0 2024 [AKTA A1701]

POLISI 1: PELUASAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT, PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT (*Corporate Voluntary Arrangement (CVA)*) DAN PENGURUSAN KEHAKIMAN (*Judicial Management (JM)*)

1. Apakah mekanisme penyelamat korporat dan tujuannya?

Akta Syarikat 2016 memperkenalkan kerangka mekanisme penyelamat korporat dalam bentuk perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman (JM). Kerangka mekanisme penyelamat korporat bertujuan untuk melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan, termasuk syarikat, pemiutang, dan pemegang saham, serta menyediakan proses yang berstruktur dan telus bagi syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk menangani krisis kewangan yang dihadapi.

2. Apakah CVA?

CVA menyediakan satu bentuk persetujuan penstrukturan semula yang pada masa kini tersedia untuk syarikat persendirian sahaja. Proses CVA membolehkan syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk memasuki pelan atau perkiraan dengan pemiutang tanpa perlu mempunyai pelan atau perkiraan yang diluluskan oleh Mahkamah. Selepas pemfailan CVA ke Mahkamah, moratorium selama 28 hari akan bermula dan akan melindungi syarikat daripada sebarang prosiding undang-undang termasuk petisyen untuk menggulung syarikat. Tempoh moratorium boleh dilanjutkan kepada tempoh maksimum 60 hari. Tempoh moratorium adalah penting bagi membolehkan syarikat dan mempertimbangkan pelan atau perkiraan dengan objektif memulihkan syarikat.

Pada masa ini, ketersediaan CVA sebagai mekanisme penyelamat hanya terhad kepada syarikat persendirian yang tidak mempunyai gadaian ke atas aset atau akujanji syarikat tersebut.

3. Apakah JM?

JM membenarkan pelantikan oleh Mahkamah Tinggi Malaysia seorang pengurus kehakiman ke atas penghutang korporat yang tidak solven, dalam keadaan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa terdapat peluang yang munasabah, antara lain, mengekalkan semua atau sebahagian daripada syarikat sebagai satu usaha berterusan dan agar kepentingan pemiutang lebih terjamin daripada tindakan penggulungan.

Pada masa ini, Mahkamah tidak meluluskan apa-apa permohonan oleh syarikat senaraian awam untuk JM kerana ketidakpastian dalam peruntukan semasa.

4. Apakah objektif pindaan ke atas seksyen 395 Akta Syarikat 2016?

Pindaan kepada seksyen 395 bertujuan meluaskan pemakaian CVA kepada semua syarikat termasuk syarikat yang mewujudkan gadaian ke atas harta atau aku janjinya. Kerangka kerja sedia ada sudah menawarkan perlindungan yang mencukupi untuk menangani kepentingan semua pihak berkepentingan termasuk pemiutang bercagar.

5. Apakah objektif pindaan ke atas seksyen 403 Akta Syarikat 2016?

Pindaan kepada seksyen 403 bertujuan menjelaskan bahawa pengurusan kehakiman boleh dimohon oleh semua syarikat termasuk syarikat senaraian awam.

6. Adakah masih terdapat apa-apa sekatan selepas seksyen 395 dan 403 Akta Syarikat 2016 dipinda?

Pindaan kepada seksyen 395 dan 403 bertujuan membolehkan semua syarikat menggunakan CVA atau JM sekiranya mereka menghadapi masalah kewangan. Walau bagaimanapun, syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan syarikat yang dilesenkan, diluluskan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453] tidak layak menggunakan CVA dan JM kerana mereka tertakluk kepada dasar dan perlindungan kewangan dan tadbir urus tertentu yang dikenakan ke atas Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, masing-masing.

POLISI 2: MEMPERKUKUHKAN KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

(A) Penambahbaikan peruntukan-peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi (SPK)

7. Apakah skim perkiraan atau kompromi (SPK)?

Skim perkiraan atau kompromi ialah proses yang biasa digunakan oleh syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk tujuan penstrukturan semula hutang mereka, dan pada masa yang sama mendapatkan faedah dari perintah halangan seliaan Mahkamah yang menghalang apa-apa prosiding undang-undang termasuk apa-apa petisyen untuk menggulung syarikat daripada dimulakan. Skim perkiraan atau kompromi membolehkan skim yang diluluskan oleh Mahkamah dikenakan ke atas semua pemiutang dan ahli, dengan syarat pengundian secara majoriti telah diperolehi.

SPK bukan secara eksklusif hanya untuk syarikat yang mengalami masalah kewangan dan ia juga digunakan secara meluas oleh entiti yang solven.

8. Apakah rasional untuk mengukuhkan kerangka SPK?

Di Malaysia, kerangka SPK adalah mekanisme yang digunakan secara meluas untuk merehabilitasi syarikat yang mengalami masalah kewangan akibat pelbagai sebab seperti kebiasaan sektor korporat dengan kerangka SPK dan pada dasarnya pengarah-pengarah syarikat masih di bawah kawal selia piha pengurusan syarikat tersebut. Oleh itu, pengarah-pengarah syarikat diberikan insentif untuk mencadangkan pelan rehabilitasi yang mempunyai kadar berkemungkinan tinggi untuk berjaya.

Dengan itu, Akta-Undang Syarikat (Pindaan) 2024 ini memperkenalkan peruntukan-peruntukan yang lebih komprehensif sejajar dengan piawaian

antarabangsa untuk memastikan SPK boleh digunakan sebagai pelan rehabilitasi yang lebih efektif untuk syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan.

9. Apakah polisi utama yang diperkenalkan di bawah pindaan yang dicadangkan?

Antara polisi utama yang diperkenalkan di bawah cadangan pindaan adalah seperti berikut:

- (a) Pengenalan tempoh moratorium secara automatik untuk syarikat yang memohon perintah sekatan di bawah SPK;
- (b) Peruntukan tentang perintah halangan oleh syarikat berkaitan yang memainkan peranan penting dalam pelan rehabilitasi;
- (c) Peruntukan untuk pembiayaan penyelamat;
- (d) Peruntukan tentang kuasa Mahkamah mengarahkan persetujuan kelas pemiutang (*cram down*); dan
- (e) Keperluan mandatori untuk pelantikan pengamal insolvensi bagi mengawasi pelan rehabilitasi itu.

10. Kenapa pengenalan moratorium secara automatik adalah penting?

Akta Syarikat (Pindaan) 2024 ini memperkenalkan subseksyen 368(1A) baharu di mana syarikat yang membuat permohonan perintah halangan di bawah SPK diberikan moratorium secara automatik setelah memfailkan permohonan itu untuk tempoh maksimum dua bulan atau sehingga Mahkamah membuat keputusan terhadap permohonan itu, yang mana terdahulu.

Sepanjang tempoh moratorium, syarikat diberikan perlindungan daripada prosiding perundangan termasuk petisyen untuk menggulungkan syarikat. Dalam erti kata lain, syarikat akan sentiasa dilindungi sehingga perintah halangan diberikan oleh Mahkamah.

11. Adakah terdapat apa-apa perlindungan khusus untuk melindungi hak pemiutang memandangkan moratorium secara automatik dan perintah halangan akan menyekat pemiutang daripada mengambil tindakan terhadap syarikat?

Untuk mengelak penyalahgunaan proses di mana permohonan untuk perintah halangan boleh digunakan untuk terus melucutkan atau menjejaskan hak pemiutang, Akta Syarikat (Pindaan) 2024 ini memperkenalkan polisi bahawa tiada perintah halangan akan diberikan oleh Mahkamah jika perintah telah diberikan dalam tempoh 12 bulan sebelumnya yang melibatkan pembiayaan penyelamat, kuasa Mahkamah mengarahkan persetujuan kelas pemiutang (*cram down*), kelulusan skim yang dicadangkan tanpa mesyuarat pemiutang atau apabila syarikat berkaitan membuat permohonan untuk perintah halangan berhubung dengan skim yang dicadangkan.

12. Apakah kepentingan membenarkan syarikat berkaitan dilindungi oleh perintah halangan?

Dalam keadaan tertentu, penstrukturan semula tidak melibatkan hanya satu syarikat. Dalam penstrukturan semula secara besar-besaran untuk kumpulan syarikat, terdapat beberapa entiti lain mungkin terlibat walaupun bukan sebahagian daripada SPK tersebut.

Menyedari keadaan ini, Akta Syarikat (Pindaan) 2024 ini memperkenalkan seksyen baharu 368A di mana syarikat berkaitan boleh memohon perintah halangan atas terma yang sama dengan syarikat yang menjalani SPK tersebut

dengan syarat syarikat itu memainkan peranan penting dalam SPK tersebut di mana SPK tersebut akan gagal jika tindakan diambil terhadap syarikat berkaitan dan bahawa pemiutang syarikat berkaitan tidak akan diprejudis jika perintah halangan diberikan.

13. Apakah itu pembiayaan penyelamat dan kepentingannya dalam suatu SPK?

Di bawah seksyen baharu 368B, pembiayaan penyelamat ditakrifkan sebagai pembiayaan yang diperlukan untuk kelangsungan hidup syarikat yang memperoleh pembiayaan atau di mana pembiayaan itu adalah perlu untuk memastikan aset syarikat yang memperoleh pembiayaan tersebut boleh direalisasikan dengan lebih banyak faedah berbanding jika syarikat tersebut digulungkan.

Pembiayaan penyelamat membenarkan syarikat penghutang boleh meneruskan perniagaan, membayar pembekalnya dan pemiutang lain. Dalam erti kata lain, mengikut keadaan, pembiayaan penyelamat adalah penting untuk memastikan skim yang dicadangkan akan berjaya.

Dengan mengambil kira keadaan di mana syarikat yang mengalami masalah kewangan kebiasaannya akan menghadapi kos pinjaman yang lebih tinggi memandangkan bank atau institusi kewangan menjadi lebih berhati-hati untuk memberikan pinjaman baharu tanpa sebarang perlindungan maka polisi baharu yang diperkenalkan ini akan memberikan perlindungan yang lebih baik kepada pihak yang memberi pembiayaan penyelamat.

Oleh yang demikian, di bawah seksyen 368B yang dicadangkan, Mahkamah diberi kuasa untuk memerintahkan jika terdapat hutang daripada sebarang pembiayaan penyelamat akan dicagarkan ke atas harta syarikat dengan syarat tertentu. Sekiranya syarikat digulungkan, hutang daripada pembiayaan penyelamat akan diberi keutamaan yang paling tinggi berbanding semua hutang lain.

14. Apakah *cram down* dan mengapa ia penting di bawah kerangka SPK yang telah ditambahbaik?

Kuasa Mahkamah yang mengarahkan persetujuan kelas pemiutang (*cram down*) merupakan satu mekanisme yang membolehkan Mahkamah mengarah pemiutang yang menentang untuk bersetuju dengan SPK yang telah dicadangkan. Matlamat mekanisme ini adalah untuk memastikan bahawa syarikat yang berhadapan dengan kesukaran akan mempunyai skim yang berjaya dengan gangguan yang kurang dan pada masa yang sama memberikan perlindungan kepada pemiutang yang menentang.

Akta Syarikat (Pindaan) 2024 memperkenalkan seksyen baharu 368D yang membenarkan permohonan bagi *cram down* dibuat kepada Mahkamah dengan syarat:

- (a) Skim ini diluluskan oleh majoriti yang mewakili sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah nilai pemiutang atau anggota atau kelas anggota yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat itu; dan
- (b) Skim ini adalah adil dan saksama kepada setiap kelas pemiutang yang menentang dan tidak mendiskriminasi secara tidak adil antara kelas pemiutang.

Permohonan *cram down* mesti memastikan bahawa pemiutang yang menentang akan menerima sekurang-kurangnya nilai yang sama dengan tuntutan mereka yang telah diluluskan berbanding jika syarikat itu dilikuidasikan.

15. Apakah kepentingan peranan pengamal insolvensi dalam SPK di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024?

Akta Syarikat (Pindaan) 2024 memperkenalkan polisi baharu melalui pindaan kepada seksyen 367 bahawa pelantikan pengamal insolvensi adalah mandatori apabila syarikat yang mencadangkan SPK membuat permohonan yang melibatkan pembiayaan penyelamat, *cram down*, kelulusan skim yang dicadangkan tanpa mesyuarat pemiutang atau apabila syarikat berkaitan membuat permohonan untuk perintah halangan berhubung dengan skim yang dicadangkan.

Akta Syarikat (Pindaan) 2024 ini menekankan kepentingan peranan pengamal insolvensi untuk menyelia skim yang dicadangkan dan melaporkan statusnya kepada Mahkamah sebelum skim itu diluluskan. Ini adalah untuk memastikan peluang yang lebih tinggi untuk skim yang dicadangkan untuk berjaya.

(B) Penambahbaikan peruntukan lain berkaitan perkiraan sukarela korporat/pengurusan kehakiman/skim perkiraan dan kompromi (CVA/JM/SPK)

16. Apakah peruntukan-peruntukan lain yang diperkenalkan untuk menambahbaik kerangka rehabilitasi korporat?

Antara pindaan penting yang diperkenalkan bagi menambahbaik kerangka rehabilitasi korporat di bawah Akta Syarikat adalah seperti berikut:

- (a) Membenarkan Mahkamah melanjutkan tempoh perintah pengurusan kehakiman melebihi 12 bulan;
- (b) Membenarkan syarikat-syarikat yang telah mendapat perintah pengurusan kehakiman akses kepada pembiayaan penyelamat;
- (c) Meminimumkan kerugian yang dihadapi oleh syarikat dalam prosiding insolvensi dengan membenarkan pemiutang bercagar mendapatkan semula aset dalam keadaan tertentu; dan
- (d) Memastikan syarikat-syarikat dalam prosiding insolvensi terus dibekalkan dengan barangan dan perkhidmatan perlu untuk mengurangkan gangguan dalam operasi mereka.

17. Mengapa tempoh perintah pengurusan kehakiman mesti dibenarkan melebihi 12 bulan?

Subseksyen 406(1) dan (2) memperuntukkan bahawa tempoh perintah pengurusan kehakiman adalah selama tempoh 6 bulan dari tarikh perintah itu. Tempoh ini boleh dilanjutkan selama 6 bulan lagi atas permohonan oleh pengurus kehakiman kepada Mahkamah.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, lebih banyak masa diperlukan untuk membolehkan pengurus kehakiman yang dilantik itu membentangkan pelan pemulihan komprehensif untuk syarikat yang mengalami masalah kewangan. Oleh itu, pindaan kepada subseksyen-subseksyen ini diperkenalkan untuk membolehkan tempoh masa yang mencukupi dan tidak terhad kepada tempoh maksimum 12 bulan bagi pengurus kehakiman menjalankan tugasnya seperti membuat syor yang sesuai mengikut terma-terma yang dikenakan oleh Mahkamah.

18. Apakah objektif dan faedah utama seksyen baharu 415A berkaitan pembiayaan penyelamat di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024?

Objektif utama seksyen baharu 415A adalah untuk membenarkan syarikat di bawah pengurusan kehakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat, sama seperti polisi yang diperkenalkan untuk syarikat yang mencadangkan skim perkiraan dengan pemiutangnya (SPK). Dengan pengenalan peruntukan baharu ini, Mahkamah diberi kuasa untuk memerintahkan hutang daripada sebarang pembiayaan penyelamat dicagarkan terhadap harta syarikat mengikut syarat tertentu. Sekiranya syarikat digulungkan, hutang daripada pembiayaan penyelamat tersebut diberi keutamaan yang paling tinggi berbanding semua hutang lain.

19. Apakah matlamat utama seksyen baharu 398A dan subseksyen baharu 411(5) berkaitan dengan mendapatkan semula harta oleh pemiutang bercagar?

Matlamat utama seksyen baharu 398A dan subseksyen baharu 411(5) adalah bertujuan untuk memberikan relif kepada syarikat dengan membenarkan pemiutang bercagar untuk mengambil milikan, melaksanakan apa-apa hak atau mendapatkan semula harta yang dicagar semasa moratorium dalam perkiraan

sukarela atau pengurusan kehakiman berdasarkan keadaan harta tersebut. Sebagai contoh, pemiutang bercagar boleh mengambil semula barang yang mudah rosak atau mana-mana jentera di bawah perjanjian sewa beli yang tidak digunakan oleh syarikat semasa proses perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman. Dengan ini, barangan yang mudah rosak tidak akan menjadi sia-sia dan pembekal tidak perlu memohon bayaran bagi barangan tersebut daripada syarikat. Dalam kes yang melibatkan jentera, jentera ini tidak akan terbiar dan rosak jika syarikat mempunyai sumber yang terhad untuk memastikan jentera itu diselenggarakan dengan baik. Tindakan ini juga akan membolehkan syarikat mengurangkan sebarang keterhutangan ke atas harta yang dicagar tersebut dengan pihak pemiutang bercagar berkenaan.

20. Apakah yang diperuntukkan oleh seksyen 430A kepada pembekal dan syarikat apabila syarikat itu tertakluk kepada prosiding berhubung dengan kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman?

Bagi syarikat yang menjadi tertakluk kepada prosiding berhubung dengan kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman, seksyen 430A memperuntukkan bahawa *insolvency related clause* dalam mana-mana kontrak untuk pembekalan barang dan perkhidmatan penting tidak boleh dilaksanakan terhadap syarikat semata-mata kerana syarikat itu tertakluk kepada mana-mana prosiding tersebut.

Ini bermakna di bawah seksyen baharu 430A, pembekal perlu terus memenuhi komitmen mereka di bawah kontrak mereka supaya syarikat boleh meneruskan kelangsungan perniagaan melalui proses rehabilitasi, termasuk memudahkan syarikat mengekalkan bekalan kontrak yang penting untuk kelangsungan perniagaan. Pembekalan penting kontrak yang akan dicadangkan di bawah seksyen baharu ini termasuk bekalan air, elektrik atau gas.

POLICY 3: MEMPERKUKUH KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL

21. Apakah yang dimaksudkan dengan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial?

Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial adalah satu kerangka yang mengenakan obligasi ke atas syarikat untuk mendapatkan, mengesahkan dan merekodkan maklumat pemunya benefisial mereka. Syarikat perlu menyimpan maklumat pemunyaan benefisial yang terkini dan menyerahkan simpan maklumat tersebut dengan Pendaftar seperti yang dikehendaki. Pada ketika ini, keperluan pelaporan pemunyaan benefisial adalah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 51 dan 56 Akta Syarikat 2016.

22. Apakah rasional untuk memperkenalkan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang baharu melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024?

Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial sedia ada perlu ditambah baik untuk menangani jurang dalam Akta Syarikat 2016 selari dengan piawaian antarabangsa iaitu *Financial Action Task Force (FATF)* dan *Organisation for Economic Co-Operation and Development (OECD)* termasuklah amalan terbaik antarabangsa. Objektif utama piawaian tersebut adalah untuk membanteras pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan termasuk juga aktiviti haram lain termasuklah rasuah dan pengelakan cukai.

Kerangka pelaporan baharu itu akan menutup jurang definisi pemunya benefisial sedia ada yang tidak meliputi kawalan ke atas syarikat selain daripada saham.

23. Apakah perbezaan antara kerangka pelaporan pemunyaan benefisial sedia ada dengan kerangka baharu di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024?

Di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024, satu kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang komprehensif telah diperkenalkan melalui pengenalan keseluruhan Penggal 8A Bahagian II baharu yang meliputi:

- (i) kriteria pemunya benefisial, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 60A;
- (ii) daftar pemunya benefisial, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 60B;
- (iii) kuasa syarikat untuk mendapatkan maklumat pemunyaan benefisial daripada anggotanya dan mana-mana orang yang dikenal pasti sebagai pemunya benefisial atau mempunyai maklumat berkaitan pemunya benefisial syarikat itu, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 60C; dan
- (iv) kewajipan seseorang individu untuk memaklumkan syarikat berkenaan statusnya sebagai pemunya benefisial syarikat dan tanggungjawabnya termasuklah untuk memaklumkan sebarang perubahan terhadap statusnya sebagai pemunya benefisial dan butir-butir yang direkodkan di dalam daftar pemunya benefisial, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 60D.

24. Siapakah pemunya benefisial syarikat di bawah kerangka pelaporan baharu?

Di bawah seksyen 60A Akta Syarikat 2016, seorang pemunya benefisial sebuah syarikat ditakrifkan sebagai seorang individu atau orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau kawalan mutlak ke atas syarikat melalui milikan saham di

dalam syarikat dan termasuklah seseorang yang mempunyai kawalan mutlak ke atas syarikat itu.

Pendaftar akan mengeluarkan satu garis panduan bagi tujuan mengenal pasti seseorang pemunya benefisial.

25. Apakah kriteria seorang pemunya benefisial?

Terdapat 6 kriteria di bawah kerangka baharu yang akan membantu syarikat untuk mengenal pasti pemunya benefisial mereka:

- **KRITERIA A**

Sekiranya seseorang individu memegang secara langsung atau tidak langsung tidak kurang daripada 20% saham syarikat;

- **KRITERIA B**

Sekiranya seseorang individu memegang secara langsung atau tidak langsung tidak kurang daripada 20% saham mengundi syarikat;

- **KRITERIA C**

Sekiranya seseorang individu mempunyai kawalan mutlak berkesan sama ada secara formal atau tidak formal terhadap syarikat atau pengarah atau pihak pengurusan syarikat;

- **KRITERIA D**

Sekiranya seseorang individu mempunyai hak atau kuasa secara langsung atau tidak langsung melantik atau mengeluarkan seseorang pengarah yang mempunyai majoriti saham mengundi di dalam mesyuarat pengarah;

- **KRITERIA E**

Sekiranya seseorang individu adalah anggota syarikat dan, di bawah suatu perjanjian dengan anggota syarikat yang lain, mengawal majoriti saham mengundi syarikat; atau

- **KRITERIA F**

Sekiranya seseorang individu mempunyai kurang daripada 20% saham atau saham mengundi tetapi mempunyai kawalan berkesan atau pengaruh ke atas syarikat.

Kriteria-kriteria di atas akan diperjelaskan di dalam garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Pendaftar seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 60A.

26. Bagaimanakah anda mengenal pasti seorang individu sebagai pemunya benefisial?

Seseorang individu dikenal pasti sebagai seorang pemunya benefisial sekiranya beliau memenuhi mana-mana kriteria di atas. Perkara ini boleh ditentukan melalui rekod-rekod syarikat seperti perlembagaan, daftar anggota, minit dan resolusi termasuklah dokumen-dokumen lain yang menunjukkan terdapatnya kawalan atau pengaruh.

Sesebuah syarikat boleh menamakan lebih daripada seorang pemunya benefisial berdasarkan dapatannya.

27. Apakah kepentingan pindaan-pindaan di dalam Akta Syarikat 2016 kepada sektor korporat di Malaysia?

Penambahbaikan pelaporan pemunyaan benefisial akan menggalakkan ketelusan korporat di Malaysia dan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan dengan Pendaftar. Maklumat pemunyaan benefisial

yang komprehensif dan lengkap akan membantu agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia dalam menjalankan siasatan terhadap jenayah serius yang dilakukan melalui entiti perniagaan.

28. Adakah peruntukan undang-undang yang berkaitan berkenaan pelaporan pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024 terpakai kepada semua syarikat?

Ya. Peruntukan undang-undang yang berkaitan tersebut adalah terpakai kepada semua syarikat yang ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016, melainkan dikecualikan.

Terdapat kategori syarikat tertentu yang akan dikecualikan daripada keperluan pelaporan pemunyaan benefisial jika syarikat tersebut mempunyai obligasi pelaporan yang serupa di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain bagi mengelakkan pertindihan keperluan melapor. Pengecualian tersebut akan dibuat oleh Menteri KPDN melalui perintah yang akan disiarkan dalam Warta seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 60E Akta Syarikat 2016.

Walau bagaimanapun, syarikat yang dikecualikan masih mempunyai obligasi untuk memaklumkan Pendaftar statusnya dan memberikan maklumat pengurusan kanan syarikat, kepada Pendaftar.

29. Adakah peruntukan undang-undang yang berkaitan berkenaan pelaporan pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024 terpakai kepada syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016?

Ya. Kerangka pelaporan ini adalah terpakai kepada syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016.

Seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 573A Akta Syarikat (Pindaan) 2024, Penggal 8A Bahagian II adalah terpakai kepada syarikat asing termasuklah obligasi menyerah simpan maklumat pemunyaan benefisial secara tahunan seperti yang diperuntukkan di bawah 576(2)(*ha*) dan obligasi untuk menyimpan daftar pemunya benefisial di bawah perenggan 576(2)(*hb*) Akta Syarikat (Pindaan) 2024.

30. Adakah terdapat sebarang pengecualian diberikan kepada mana-mana syarikat berkaitan pelaporan pemunyaan benefisial?

Buat masa ini tiada sebarang pengecualian diberikan kepada mana-mana syarikat daripada pelaporan pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat 2016, walaupun terdapat peruntukan yang membenarkan Menteri untuk berbuat demikian. Ini kerana buat masa ini tiada undang-undang lain yang memperuntukkan pelaporan pemunyaan benefisial yang sama seperti yang dinyatakan dalam pindaan terkini dalam Akta Syarikat 2016.

31. Siapakah yang patut bertanggungjawab terhadap maklumat pemunyaan benefisial syarikat di bawah kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang baharu?

Lembaga pengarah, setiausaha syarikat, ejen, anggota syarikat, pemunya benefisial dan mana-mana orang yang menerima notis di bawah seksyen 60C Akta Syarikat 2016.

32. Siapakah yang akan mempunyai akses kepada daftar pemunya benefisial yang disimpan di peringkat syarikat?

Di bawah subseksyen 60B(9) Akta Syarikat 2016, berikut adalah orang-orang yang akan mempunyai akses kepada daftar pemunya benefisial:

- (a) Agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa berwajib yang menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan berdasarkan undang-undang bertulis masing-masing;
- (b) Pemunya benefisial; dan
- (c) Orang-orang yang mempunyai kebenaran daripada pemunya benefisial.

Mana-mana orang atau kelas orang yang mempunyai akses kepada daftar pemunya benefisial yang disimpan di pejabat berdaftar akan diwartakan oleh Menteri KPDN melalui perintah yang akan disiarkan melalui Warta seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 60B(9) Akta Syarikat 2016.

33. Siapakah yang akan mempunyai akses kepada daftar pemunya benefisial atau singkatannya, RBO, yang diserahkan simpan dengan Pendaftar?

Di bawah subseksyen 60B(9) Akta Syarikat 2016, berikut adalah orang-orang yang akan mempunyai akses kepada maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan simpan dengan Pendaftar:

- (a) Agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa berwajib yang menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan berdasarkan undang-undang bertulis masing-masing;
- (d) Pemunya benefisial;
- (e) Orang-orang yang mempunyai kebenaran daripada pemunya benefisial.
- (b) Pihak berkuasa awam; dan
- (c) Institusi pelapor yang diwartakan di bawah Akta Syarikat 2016.

Mana-mana orang atau kelas orang yang mempunyai akses kepada maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan simpan dengan Pendaftar akan diwartakan oleh Menteri KPDN melalui perintah yang akan disiarkan melalui Warta seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 60B(9) Akta Syarikat 2016.

34. Bagaimanakah untuk mengenal pasti seseorang pemunya benefisial syarikat yang dikawal oleh badan berkanun?

Badan berkanun adalah terbentuk daripada undang-undang dan boleh memegang saham syarikat. Dalam menentukan siapakan pemunya benefisial syarikat yang dikawal oleh satu badan berkanun, pendekatan yang sama perlu digunakan seolah-olah syarikat itu dikawal oleh badan korporat yang lain.

Oleh itu, seorang individu yang mempunyai kawalan mutlak terhadap badan berkanun perlu dianggap sebagai pemunya benefisial syarikat. Dalam situasi di mana keputusan dibuat secara kolektif, setiap ahli lembaga badan berkanun tersebut boleh dinamakan sebagai pemunya benefisial.

Walau apapun, syarikat adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah sewajarnya untuk mengenal pasti pemunya benefisial syarikat berdasarkan dokumen-dokumen yang disimpan oleh syarikat seperti perlembagaan, daftar anggota, minit mesyuarat atau resolusi syarikat yang memberi kawalan kepada mana-mana individu.

35. Jika seseorang dinamakan sebagai pemunya benefisial, adakah ini bermakna orang itu dikaitkan dengan apa-apa aktiviti haram?

Polisi berkaitan dengan pelaporan pemunyaan benefisial bertujuan membantu agensi penguatkuasaan untuk memerangi penyalahgunaan syarikat yang digunakan untuk menjalankan aktiviti haram dan tidak mengaitkan seseorang

individu yang telah dinamakan sebagai pemunya benefisial dengan risiko dan liabiliti perundangan.

36. Bilakah tarikh penguatkuasaan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024?

Tarikh penguatkuasaan peruntukan-peruntukan berkaitan pemunyaan benefisial adalah berkuat kuasa pada 1 April 2024.

37. Apakah yang patut dijangka oleh syarikat apabila peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024 dikuatkuasakan?

Apabila peruntukan-peruntukan berkaitan pemunyaan benefisial di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024 dikuatkuasakan, syarikat akan diberi masa selama 3 bulan untuk menyerah simpan dengan Pendaftar maklumat pemunyaan benefisial terkini melalui platform atas talian. SSM akan memberikan maklumat terperinci pada masa yang bersesuaian.

POLISI 4: PENGUKUHAN AMALAN & TADBIR URUS KORPORAT

38. Apakah objektif pindaan ke atas Akta Syarikat 2016 daripada perspektif tadbir urus korporat?

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan tahap tadbir urus yang tinggi di kalangan syarikat dikekalkan, penambahbaikan kepada beberapa peruntukan dalam Akta Syarikat 2016 dibuat ke arah menggalakkan pematuhan dan memudahkan perniagaan dijalankan berdasarkan keperluan semasa komuniti korporat.

39. Apakah pindaan utama kepada Akta Syarikat 2016 yang akan memberi impak besar kepada komuniti korporat?

- (i) Di bawah seksyen 612A, laman sesawang rasmi SSM boleh digunakan untuk mengiklankan dan menyiarkan maklumat sebagai ganti keperluan statutori untuk mengiklankan atau menerbitkan maklumat tersebut dalam akhbar yang diedarkan secara meluas di seluruh Malaysia. Polisi ini bertujuan untuk mengatasi isu-isu praktikal apabila pengedaran akhbar fizikal di seluruh Malaysia tidak lagi tersedia serta untuk mengurangkan kos pengiklanan yang tinggi;
- (ii) Di bawah subseksyen 264(4A) dan (4B), Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi memastikan prinsip kebebasan juruaudit dikekalkan berhubung dengan pelantikan juruaudit yang mempunyai pasangan yang bekerja di syarikat atau kumpulan syarikat untuk diaudit oleh firma juruaudit; dan
- (iii) Di bawah subseksyen 433(4D) dan (4E), penyelesaian dikehendaki melaporkan butir-butir mereka kepada Pendaftar sebaik sahaja lesen mereka diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara.